

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR MUJAHID BIN YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**TARIKH : 29 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan setakat mana penambahbaikan di negeri Kelantan mematuhi piawaian dan undang-undang alam sekitar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Semasa pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan, Negeri Kelantan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya oleh Kerajaan Pusat. Oleh itu, prestasi alam sekitar dalam semakan kami di Negeri Kelantan didapati merosot terutamanya dalam mematuhi piawaian dan undang-undang alam sekitar.
2. Kementerian ini akan memastikan semua negeri termasuk Kelantan agar meningkatkan prestasi pematuhan kepada piawaian dan undang-undang alam sekitar. Ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian baru dalam meningkatkan kedudukan dalam *Environmental Performance Index* negara.
3. Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar (JAS), Negeri Kelantan mempunyai 1553 punca industri yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam

Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Bagi tahun 2019, tahap pematuhan industri ini adalah melebihi 95%, manakala tahap pematuhan bagi loji kumbahan adalah sebanyak 94%.

4. Selain daripada itu, sehingga tahun 2019 terdapat 326 punca yang tertakluk kepada syarat kelulusan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA). Pemantauan pematuhan terhadap projek EIA akan dilaksanakan secara berterusan.

5. JAS akan terus melakukan penguatkuasaan secara berkala ke atas punca-punca industri yang terdapat di Negeri Kelantan. Penguatkuasaan yang dilakukan oleh JAS merangkumi tiga(3) aspek utama iaitu kawalan pencemaran air, kawalan pencemaran udara dan pengurusan buangan terjadual

Sekian. Terima kasih.